



JABATAN PERANGKAAAN
MALAYSIA

BULETIN KHAS DOSM

Menangani COVID-19 di Malaysia

DOSM/BK/SEKTORAL/11.2020/SIRI 20

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada stakeholders dan agensi utama pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh pejabat DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi kajian kes impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak.

Penafian:
Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

PENDAHULUAN

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak telah melaksanakan Kajian Impak COVID-19 dan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada beberapa sektor ekonomi terpilih seperti Sektor Pembuatan, Pertanian dan Perkhidmatan. Sektor-sektor ini dijangka akan menerima kesan sampingan kepada pelaksanaan PKP oleh Kerajaan mulai 18 Mac sehingga 28 April 2020. Kajian ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan temuduga syarikat yang terpilih.

Buletin ini akan membentangkan hasil kajian tersebut mengikut negeri dan sektor yang terpilih.

Kajian impak di Negeri Johor mendapati Sektor Borong dan Runcit Produk Makanan menerima impak positif. Manakala sektor runcit peralatan telekomunikasi mengalami kemerosotan.



JOHOR



Runcit Produk Makanan

Jualan runcit produk kerepek yang berasaskan tanaman seperti ubi dan pisang mencatatkan peningkatan jualan pada Januari (6%), namun menurun pada Februari dan Mac melebihi 50 peratus berbanding bulan sebelumnya disebabkan kekurangan bekalan bahan mentah.



Borong Produk Makanan Lain

Jualan borong barangan makanan lain dijangka mencatatkan peningkatan 14 peratus sehari.



Runcit Produk Telekomunikasi

Jualan runcit peralatan telekomunikasi mencatatkan penurunan 60 – 70 peratus kerana tidak dapat menjalankan perniagaan. Kos sewaan dan bayaran gaji pekerja perlu ditanggung sepanjang tempoh PKP.



Kebanyakan syarikat yang terlibat dengan Industri Pembuatan di Johor dijangka mengalami kerugian pada Suku Tahun Pertama 2020



Industri Pembuatan Cat

Anggaran pendapatan suku pertama syarikat ini ialah RM4.7 juta, di mana kira-kira **RM1.0 juta dianggarkan kerugian** yang dihadapi oleh syarikat dalam tempoh PKP. Syarikat **menjangkakan 60 peratus penurunan dalam jualan** pada suku kedua. Jika PKP dilanjutkan ia akan memberi kesan yang membimbangkan terhadap aliran tunai dan meramalkan bahawa kehilangan perniagaan daripada pelanggan luar negara kepada pesaing.



Industri Percetakan

Industri percetakan dijangka **mengalami kerugian** pada suku tahun pertama 2020 **sebanyak 1.5 Juta**.



Industri Perabot Kayu dan Rotan

Hasil pendapatan syarikat yang terlibat dengan aktiviti eksport perabot kayu dan rotan dijangka **merosot sehingga 38 peratus** pada suku tahun pertama 2020.



Industri Pembuatan Plastik

Syarikat berhadapan dengan isu **pelanggan tidak dapat membuat pembayaran** pada suku kedua tahun 2020. Ini akan menjejaskan aliran tunai kewangan syarikat



Industri Farmaseutikal

Sasaran keuntungan syarikat **dijangka mencapai RM47 juta** menjelang suku tahun pertama 2020. Namun, syarikat **mengalami kerugian sebanyak RM9 juta sepanjang tempoh pelaksanaan PKP**. Kesukaran memperoleh bahan mentah dari pihak pembekal menyukarkan syarikat beroperasi mengikut sasaran yang ditetapkan.



Industri Kelapa Sawit

Bekalan buah kelapa sawit **berkurang 10 peratus pada Jan, Feb & Mac 2020** berbanding suku tahun sebelumnya. Ini akan menyebabkan kos per unit meningkat.

Perkhidmatan Guaman



80%-90% Pendapatan ↓



Kajian impak di negeri Melaka mendapati semua sektor ekonomi terpilih mencatatkan penurunan hasil jualan dan pendapatan pada Mac 2020.

MELAKA



JUALAN RUNCIT DI PASARAYA

- ❑ 35 pasaraya berdaftar di Melaka.
- ❑ 20-30 peratus pendapatan dianggarkan meningkat pada Mac 2020 (*Panic Buying*).



RESTORAN MAKANAN & MINUMAN

- ❑ 1,332 restoran yang berdaftar di Melaka.
- ❑ Jualan dianggarkan menurun 80 peratus pada Mac 2020.
- ❑ 10 pelanggan sehari sejak pelaksanaan PKP.



RUNCIT PRODUK KASUT

- ❑ 50-90 peratus pendapatan dianggarkan merosot sepanjang Mac sehingga April.




KENDERAAN BERMOTOR

- ❑ 118 syarikat terlibat dengan aktiviti penjualan kenderaan bermotor baru di Melaka.
- ❑ 40 peratus pendapatan dianggarkan menurun pada Mac 2020.
- ❑ Syarikat juga menghadapi masalah penerimaan stok kereta baru dari kilang.



BUTIK PENGANTIN

- ❑ 75 peratus jualan dianggarkan menurun pada Mac 2020.
- ❑ Ramai pelanggan telah membatalkan tempahan sejak PKP dilaksanakan.



INDUSTRI PEMBUATAN KENDERAAN BERMOTOR

- ❑ Industri ini menyumbang 26.6 peratus kepada Sektor Pembuatan di Melaka.
- ❑ Jualan dijangkakan menurun di antara 40-50 peratus pada Mac 2020.

Kajian impak di Negeri Sembilan mendapati Industri Pembuatan Bahan Ubat-ubatan mencatatkan peningkatan jualan. Manakala Industri Pembuatan Produk Kimia dan Galian Bukan Logam dijangka menurun di antara 30-50 peratus.

NEGERI SEMBILAN



Industri Pembuatan Kimia dan Produk Kimia

Syarikat yang dikaji ini terlibat dengan aktiviti:

- Pembuatan baja.
- Pembuatan dakwat cetak.
- Pembuatan sabun dan bahan pencuci, penyediaan membersih dan mengilat.

Syarikat ini masih beroperasi semasa PKP dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- Waktu beroperasi dipendekkan
- Kapasiti pengeluaran dikurangkan sehingga 50 peratus
- Sistem penggiliran untuk pekerja hadir bekerja

Jualan dijangka menurun sehingga 50 peratus.

Perkhidmatan Jualan Borong Bahan Api Pepejal, Cecair dan Gas dan Produk Berkaitan

Kajian kes menunjukkan tiada perubahan nilai jualan dilaporkan bagi industri ini. Pekerja juga bekerja seperti biasa. Terdapat syarikat yang melaksanakan sistem penggiliran hari bekerja.

Semua syarikat yang menjalankan aktiviti ini tidak beroperasi sepanjang PKP. Pengeluaran produk berkurangan sebanyak 30 peratus.



Industri Pembuatan Bahan Aktif Ubat-ubatan untuk digunakan oleh Bidang Farmakologi dalam Pembuatan Ubat-ubatan

Syarikat di industri ini masih beroperasi sepanjang PKP.

Nilai hasil jualan juga meningkat sebanyak 10%. Dimaklumkan, permintaan pasaran sangat tinggi namun begitu kapasiti mesin adalah terhad. Tiada pemberhentian pekerja dilaporkan.

Perkhidmatan Jualan Borong Bahan Buangan dan Sekerap dan Produk Lain

Syarikat yang dikaji adalah syarikat yang menjalankan aktiviti:

- Jualan borong bahan kimia industri.
 - o Mempunyai lebihan stok.
 - o Nilai hasil pendapatan dijangka menurun.
- Jualan borong baja dan produk agrokimia.
 - o Nilai hasil pendapatan dijangka menurun sehingga 30 peratus.
- Jualan borong sekerap getah.
 - o membuat pembelian getah daripada penoreh getah (pekebun kecil).
 - o Nilai hasil pendapatan dijangka menurun sehingga 75 peratus.

Industri Pembuatan Produk Galian Bukan Logam Lain

Syarikat ini terlibat dengan aktiviti:

- Pembuatan kaca dan produk kaca.
- Pembuatan pengeluaran galian bukan logam.



Kajian impak di negeri Sarawak mendapati Sektor Pengangkutan Darat dan Air menerima kesan yang sama dengan sektor lain. Waktu Perkhidmatan telah dihadkan.



PERKHIDMATAN BAS

Semua perkhidmatan bas sehenti bandar dan jarak jauh di Sarawak telah menghentikan perkhidmatan buat sementara waktu. Perkhidmatan ini melibatkan 26 buah syarikat perkhidmatan bas sehenti bandar dan jarak jauh.



PERKHIDMATAN BOT


- ❑ Syarikat pengendali bot ekspres telah menghentikan perkhidmatan bagi semua laluan di Sarawak.
- ❑ Laluan Kapit-Song-Sibu merupakan laluan yang terjejas teruk kerana ini merupakan pengangkutan utama di kawasan ini.
- ❑ Jadual operasi feri Daerah Marudi terhad kepada jam 7.00 pagi – 7.00 malam sahaja.
- ❑ Sebuah feri akan beroperasi 'standby' untuk kes kecemasan dari 7.00 malam hingga 7.00 pagi.



SEKTOR BORONG & RUNCIT

Kedai runcit, coldstorage, convenience store, stesen minyak & pasaraya sahaja yang dibenarkan beroperasi. Pasar tamu tidak dibenarkan beroperasi. Kajian menunjukkan:

- ❑ Jualan menurun sehingga 50 peratus.
- ❑ Stok berkurangan.
- ❑ Pekerja dikurangkan.
- ❑ Tempoh beroperasi dihadkan daripada 7.00 pagi ke 7.00 malam sahaja.
- ❑ Aktiviti pembaikan kenderaan termasuk pembaikan motosikal, juga tidak dibenarkan beroperasi. Sebilangan yang beroperasi mengikut permintaan (*direct call* pemilik bengkel).



STESYEN MINYAK

Jualan harian berkurang 30% di kawasan Samarahan. Waktu perniagaan dipendekkan iaitu dari 7.00 pagi ke 7.00 malam berbanding dengan pada hari biasa iaitu 24 jam.

Perkhidmatan pengangkutan barangan keperluan yang beroperasi antara Miri-Brunei-Limbang-Lawas turut menerima impak kerana Negara Brunei tidak membenarkan memasuki semua pintu masuk. Walau bagaimanapun, Kerajaan Sarawak telah membuat rundingan bersama Negara Brunei.



PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN



PKP juga turut menjejaskan aktiviti perniagaan dan pendapatan golongan OKU. Sejumlah 40 ribu golongan OKU di Sarawak.